



**IKLAN JAWATAN KOSONG  
MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA**

مجلس قرياندان هغ تواه جاي

Telefon : 06-2323773

Faks : 06-2322778

Emel : [kerjaya@mphtj.gov.my](mailto:kerjaya@mphtj.gov.my)

Portal : <http://www.mphtj.gov.my>

---

Pemohon yang terdiri daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada anak kelahiran Negeri Melaka adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan di Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) seperti berikut :

BIL.	NAMA JAWATAN	GRED JAWATAN	KEKOSONGAN	TARAF JAWATAN
1.	PEMBANTU KESIHATAN AWAM	U19	1	KONTRAK

## JAWATAN : PEMBANTU KESIHATAN AWAM

Gred Jawatan	: U19
Klasifikasi Perkhidmatan	: Perubatan dan Kesihatan
Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana
Taraf Jawatan	: Kontrak
Jumlah Kekosongan	: Satu (1)

### 1. JADUAL GAJI

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1, 360.00	RM4,052.00	RM100.00

### 2. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- warganegara Malaysia; dan
- berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

### 3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### 4. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan **Pembantu Kesihatan Awam Gred U19** adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

## CARA MEMOHON :

- i. Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada anak kelahiran Negeri Melaka.
- ii. Iklan Jawatan Kosong ini boleh dicapai dengan melayari Laman Web Rasmi MPHTJ iaitu <http://www.mphtj.gov.my>
- iii. Semua permohonan jawatan **dimestikan** menggunakan Sistem Permohonan Jawatan secara dalam talian (online). Sila ke pautan yang diberikan seperti berikut <https://bit.ly/PermohonanPekerjaanMPHTJ>
- iv. Pemohon mestilah memenuhi syarat lantikan yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan bagi jawatan yang dipohon sebelum memohon jawatan. Skim perkhidmatan boleh dirujuk pada Iklan Jawatan Kosong.
- v. Permohonan hendaklah disertakan dengan **sesalinan Kad Pengenalan, sesalinan Sijil Kelahiran, gambar terkini berukuran pasport dan sijil-sijil kelayakan akademik**. Sila pastikan setiap dokumen tersebut hendaklah **DISAHKAN**. Permohonan yang **tidak lengkap dan tidak memenuhi** syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan serta **tidak disahkan** akan **ditolak dengan serta merta**.
- vi. Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat (Tetap dan Kontrak) hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan dan pastikan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Penilaian Prestasi disertakan bersama.
- vii. Tarikh tutup permohonan adalah pada **12 Julai 2024 (Jumaat)**.

## PERINGATAN :

- i. Sila pastikan setiap dokumen yang dimuat naik hendaklah **LENGKAP** dan **DISAHKAN**.
- ii. Calon yang layak perlu menduduki Ujian Kecergasan dan Fizikal serta Ujian Kompetensi yang akan dimaklumkan tarikhnya kelak.
- iii. Hanya calon yang berjaya dalam ujian tersebut sahaja akan dipanggil untuk menjalani peringkat temuduga.
- iv. Pemohon-pemohon yang tidak menerima apa-apa surat pemakluman, apa-apa temuduga atau apa-apa tawaran pelantikan daripada Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya selepas satu (1) tahun dari tarikh tutup iklan jawatan kosong ini hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- v. Pihak Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya berhak memilih mana-mana calon yang difikirkan layak dan bersesuaian. Keputusan adalah muktamad.
- vi. Calon yang dilantik perlu akur terhadap penempatan /tempat bertugas yang ditentukan dari semasa ke semasa demi kepentingan MPHTJ.